



02 JUN, 2025

FAMA Fest 2025 sasar RM6 juta hasil jualan di enam negeri

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA Fest 2025 sasar RM6 juta hasil jualan di enam negeri

Bermula di Sarawak, diikuti Johor, Perak, Selangor, Sabah, N. Sembilan

GOPENG: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyasarkan sebanyak RM6 juta hasil jualan menerusi program FAMA Fest anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di enam negeri.

Timbalan Menteri berkennaan Datuk Arthur Joseph Kurup berkata program itu bermula di Sarawak pada April, diikuti Johor, Perak, Selangor, Sabah, dan akan berakhir di Negeri Sembilan pada September ini.

Beliau berkata Kerajaan Negeri Perak adalah antara tulang belakang program FAMA Fest yang diadakan setiap tahun dan tahun ini ialah penganjuran kali ketujuh.

"Pada tahun lepas, sasaran nilai jualan (di Perak) adalah sebanyak RM2 juta, tetapi hasil daripada sambutan yang sangat baik kita telah melepas sasaran itu dengan nilai jualan RM2.6 juta," katanya selepas Majlis Perasmian Penutupan FAMA Fest @Perak 2025 di RTC Perak di sini semalam.

Beliau berkata justeru, pada tahun ini pihak FAMA Fest @Perak telah meningkatkan lagi sasaran itu kepada RM3 juta melalui 210 pam eran yang telah dibuka selama lima hari bermula pada 29 Mei lepas.

"FAMA Fest @Perak selalunya penyumbang yang terbesar dan tahun lepas telah menyumbang sebanyak 30 peratus secara keseluruhan hasil jualan FAMA Fest di seluruh negara," katanya.

Dalam pada itu, Arthur berkata program FAMA Fest merupakan antara usaha



RASMI: Menteri Besar Perak Datuk Seri Saarani Mohamad hadir merasmikan FAMA Fest 2025 @ Perak di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng semalam. Turut hadir, Arthur (kiri) dan Pengurus FAMA Aminuddin Zulkipli (kanan). — Gambar BERNAMA

“Pada tahun lepas, sasaran nilai jualan (di Perak) adalah sebanyak RM2 juta, tetapi hasil daripada sambutan yang sangat baik kita telah melepas sasaran itu dengan nilai jualan RM2.6 juta. **”**

Datuk Arthur Joseph Kurup
Timbalan Menteri KPKM

kerajaan dalam menarik minat golongan muda untuk menceburi bidang pertanian yang kini diusahakan mereka yang kebanyakannya berusia 60 tahun ke atas.

"Program-program seperti ini kita menambahkan ruang pasaran untuk mereka memasarkan produk-produk dan juga menunjukkan bahawa sektor pertanian dan agromakanan ini sebenarnya sektor yang sangat lumayan dan

ada peluang untuk menjana pendapatan besar.

"Kedua, kita tidak boleh lagi bergantung pada kaedah pertanian secara konvensional, kita mestilah kepada kaedah pertanian yang lebih moden menggunakan teknologi dan inovasi, ia rantai yang sangat panjang dari segi pembuatan, penyenggaran operasi dan sebagainya," katanya.

Selain itu, beliau berkata

pihak KPKM sangat menggalakkan kursus-kursus Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) pertanian di bawah kerajaan berkenaan dengan menawarkan pelbagai kursus seperti ternakan, perikanan, dan tanaman.

"Kita akan membayai sepanjang proses itu termasuk kursus, asrama, elauan harian ... untuk menarik golongan belia menceburi bidang pertanian," katanya.

Pada 29 Mei lepas, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air memaklumkan pengusaha pertanian berusia 15 hingga 45 tahun adalah sebanyak 224,147 orang atau 22.2 peratus, menerusi dapatan Banci Pertanian 2024. — Bernama



02 JUN, 2025

FAMA Fest 2025 sasar RM6 juta hasil jualan di enam negeri

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Bermula di Sarawak, diikuti Johor, Perak, Selangor, Sabah, N. Sembilan

GOPENG: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyasarkan sebanyak RM6 juta hasil jualan menerusi program FAMA Fest anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di enam negeri. Timbalan Menteri berkenaan Datuk Arthur Joseph Kurup berkata program itu bermula di Sarawak pada April, diikuti Johor, Perak, Selangor, Sabah, dan akan berakhir di Negeri Sembilan pada September ini.